



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### KPN ANJUR PERARAKAN HARMONI, PAMERKAN KERETA BERHIAS DARIPADA 10 ETNIK DI MALAYSIA

**KUALA LUMPUR, 15 Februari – Peningkatan kefahaman mengenai agama dan budaya pelbagai etnik harus menjadi satu daripada agenda utama dalam memperkuuh keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum dan pengikut agama di Malaysia.** Perkara tersebut dinyatakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ketika menyampaikan ucapan di Majlis Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Harmoni 2025 di Dataran Merdeka, hari ini.

Tambah beliau, antara cabaran terbesar yang dihadapi kini ialah kelompongan kefahaman masyarakat mengenai pelbagai agama dan budaya yang menjadi pembentukan persepsi negatif terhadap etnik dan budaya yang berbeza. Setiap lapisan masyarakat perlu lebih cakna dan peka terhadap kepelbagaian yang ada dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memperkenalkan Inisiatif Harmoni MADANI yang mengetengahkan konsep **Faham, Hormat dan Terima** yang menjadi asas integrasi nasional untuk mempromosikan pemahaman dan penghormatan terhadap kepelbagaian budaya dan agama di negara kita. Inisiatif ini mampu **meningkatkan perpaduan dan integrasi nasional** berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Mengulas lanjut mengenai Perarakan Harmoni sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Harmoni 2025, YB Datuk Aaron berkata “KPN telah mempersemprehankan **pertunjukan kereta berhias iaitu Perarakan Harmoni yang melibatkan sepuluh (10) kaum di Malaysia antaranya Melayu, Cina, India, Sarawak, Sabah, Orang Asli, Baba dan Nyonya, Chetti, Siam dan Jawa.**

“KPN berharap agar acara perarakan kereta berhias ini dapat dijadikan sebagai satu peristiwa tahunan yang dinanti-nantikan oleh semua lapisan masyarakat. Melalui perarakan harmoni ini, kita bukan sahaja dapat mempromosikan perpaduan antara kaum, tetapi juga menjadikannya sebagai daya tarikan pelancongan yang dapat mempaarkan kekayaan budaya Malaysia kepada dunia”, tambah beliau.

Program Perarakan Harmoni merupakan sebahagian daripada pengisian sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2025 dan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, yang kini dijenamakan sebagai Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Harmoni 2025.

**Kementerian Perpaduan Negara**

15 Februari 2025

KPN.100-9/1/16 (8)